



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN  
PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**06 Oktober 2024  
03 Rabiulakhir 1446H**

<b>Utusan Malaysia</b>	•
<b>Berita Harian</b>	•
<b>Harian Metro</b>	• Kerjasama erat agensi pertanian permudah bancian
<b>Kosmo !</b>	•
<b>Sinar Harian</b>	•
<b>The Star</b>	•
<b>New Straits Time</b>	• Agriculture census a success
<b>Nanyang Siang Pau</b>	•
<b>Malaysia Gazette</b>	•
<b>The Sun</b>	•
<b>Malaysiakini</b>	•
<b>Bernamea</b>	•
<b>Borneo Post (KK)</b>	•
<b>Guan Ming Daily</b>	•
<b>Sabah Media</b>	•

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		9	6.10.2024



DR Mohd Uzir ketika lawatan ke perusahaan ikan bilis di Kampung Bebuloh Laut sempena dengan Program Lawatan Kerja Pesuruhjaya Banci Pertanian di WP Labuan.

4m/MS9, 6/10

## BANCI PERTANIAN 2024 DI LABUAN

# KERJASAMA ERAT AGENSI PERTANIAN PERMUDAH BANCIAN

Labuan

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) memaklumkan bahawa Banci Pertanian 2024 kini sudah memasuki hari ke-90 sejak dilancarkan pada 7 Julai 2024 dan berbaki enam hari lagi sebelum berakhirnya tempoh operasi banci.

Tempoh berbaki ini penting untuk melengkapkan proses pengumpulan data pertanian di peringkat hulu merangkumi sektor tanaman, ternakan, perikanan tangkapan dan akuakultur serta perhutanan dan pembalakan.

Banci Pertanian menyediakan data utama tentang profil pegangan pertanian seperti maklumat demografi, hasil pertanian, kos input, saiz ladang, penggunaan dan pemilikan tanah, mekanisasi serta penggunaan teknologi.

Statistik pertanian yang dikeluarkan ini akan digunakan untuk merangka dasar dan program jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan keter-

jaminan makanan, produktiviti serta mempromosikan pertanian mampan.

Sejumlah 1,197,309 pegangan pertanian terbahit dalam pembancian dengan bilangan tempat kediaman sebanyak 1,177,556 (98.4%) dan pertubuhan sebanyak 19,753 (1.6%).

Daripada jumlah itu sehingga 3 Oktober 2024, DOSM berjaya melawati 100 peratus dengan pecahan sebanyak 1,179,173 (100.1%) tempat kediaman dan pertubuhan sebanyak 18,318 (92.7%).

Di Wilayah Persekutuan (WP) Labuan, operasi banci pertanian mencapai 103.1 peratus untuk tempat kediaman dan 126.3 peratus pertubuhan yang menjalankan pertanian sudah dilawati.

Daripada lawatan itu, 99.3 peratus tempat kediaman pertanian dan 79.2 peratus pertubuhan pertanian daripada keseluruhan telah selesai dibanci.

Pesuruhjaya Banci, Datuk Sri Dr Mohd Uzir Mahidin menyatakan pencapaian ini

diperoleh dengan kerjasama dan komitmen penuh daripada semua pihak terutama pengusaha dan agensi pertanian di WP Labuan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Pelbagai usaha dan sesi pertemuan dijalankan bersama pemimpin tempatan dan agensi pertanian melalui penyediaan kepakaran, pemudah cara kepada pembanci untuk berurusan dengan pengusaha pertani-

**“Pelbagai usaha dan sesi pertemuan dijalankan bersama pemimpin tempatan dan agensi pertanian melalui penyediaan kepakaran, pemudah cara kepada pembanci untuk berurusan dengan pengusaha pertanian di lapangan bagi memastikan pengumpulan data pertanian terperinci diperoleh serta tiada pengusaha tertinggal dalam liputan banci pertanian ini”**

Pesuruhjaya Banci,  
Datuk Sri Dr Mohd Uzir Mahidin

an di lapangan bagi memastikan pengumpulan data pertanian terperinci diperolehi serta tiada pengusaha tertinggal dalam liputan banci pertanian ini.

Beliau menyatakan demikian ketika lawatan ke perusahaan ikan bilis di Kampung Bebuloh Laut sempena dengan Program Lawatan Kerja Pesuruhjaya Banci Pertanian di WP Labuan.

Turut hadir Pengarah Jabatan Perikanan Labuan Suffian Ahmad, Pengarah Jabatan Perangkaan Mala-

ysia Wilayah Persekutuan Siti Zakiah Muhamad Isa dan Pengarah Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar, Jabatan Perangkaan Malaysia Fauziah Md Amin.

Selaras dengan tema “Kunci Kemajuan Pertanian”, Banci Pertanian 2024 penting menghasilkan penanda aras baharu bagi mewujudkan pangkalan data yang semasa, komprehensif dan boleh dipercayai.

Dapatan Banci Pertanian 2024 ini akan menjadi input dalam perancangan dasar dan strategi untuk meningkatkan aktiviti bagi ekonomi berasaskan pertanian pada masa akan datang.

Kejayaan Banci Pertanian 2024 sememangnya memerlukan kerjasama semua pengusaha isi rumah, institusi dan pertubuhan yang menjalankan aktiviti pertani-

an. Justeru, DOSM ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada semua pengusaha dan agensi pertanian yang terlibat sepanjang pelaksanaan Banci

Pertanian 2024. Maklumat lanjut berkaitan Banci Pertanian 2024 boleh dilayari di portal Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu [www.myagricensensus.gov.my](http://www.myagricensensus.gov.my) dan laman Facebook Banci Pertanian 2024 [www.facebook.com/bancipertanian2024/](https://www.facebook.com/bancipertanian2024/).

Orang awam tidak perlu bimbang berkongsi maklumat kerana kerahsiaan tersebut dijamin sebagaimana yang termaktub di bawah Akta Banci 1960.

DOSM melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia juga mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jln Intan pada 2024.



UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		NEGATIF	NEUTRAL	9	6.10.2024



The success of the Agriculture Census is a result of cooperation between household producers, institutions and agricultural organisations. PIX COURTESY OF DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

STATISTICS DEPARTMENT

NST, msq, klt

# Agriculture census a success

Data will be used to boost food security schemes, promote sustainable practices

KUALA LUMPUR

**T**HE Agriculture Census entered its 92nd day since it began on July 7, and it will conclude in four days.

According to Department of Statistics Malaysia (DoSM) chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, this remaining period is crucial for completing the agriculture data collection process at the upstream level, covering crops, livestock, fisheries and aquaculture, as well as forestry and logging.

The census provides data on agriculture holdings, including demographic information, yield, input costs, farm sizes, land usage and ownership, mechanisation and technology usage.

The agriculture statistics will be used to formulate short- and long-term policies and programmes to boost food security and productivity, besides promoting sustainable practices.



Department of Statistics Malaysia chief statistician Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin (fourth from left) visiting an anchovy processing farm in Kampung Bebuloh Laut in Labuan recently.

A total of 1,197,309 agricultural holdings were involved in the census, comprising 1,177,556 (98.4 per cent) residences and 19,753 (1.6 per cent) agricultural organisations.

Up to Oct 3, DOSM had visited all agriculture holdings, including 1,179,173 (100.1 per cent) resi-

dences and 18,318 (92.7 per cent) organisations.

In Labuan, the census operations had reached 103.1 per cent for residences and 126.3 per cent for organisations engaged in agriculture.

From these visits, 92.3 per cent of agricultural residences and 79.2

per cent of agriculture organisations had been enumerated.

Uzir said this achievement was made possible through the cooperation and commitment from all parties, especially farmers and agriculture agencies in Labuan, including the Agriculture, Fisheries,

and Veterinary Services Departments.

Various efforts and engagement sessions had been conducted with local leaders and agriculture agencies to facilitate the enumerators in engaging farmers and ensuring that no one was left out of the census.

He said this during a visit to an anchovy processing farm in Kampung Bebuloh Laut in Labuan.

Present were Labuan Fisheries Department director Suffian Ahmad, Federal Territories DoSM director Siti Zakiah Muhamad Isa, and DoSM Agriculture and Environmental Statistics Division director Fauziah Md Amin.

In line with the theme "Key to Agriculture Progress", the census is essential in establishing a new benchmark for creating a real-time, comprehensive and reliable database.

The findings will serve as input for policy planning and strategies to enhance activities for the agriculture-based economy.

Uzir said: "The success of the Agriculture Census was a result of the cooperation between all household producers, institutions and organisations engaged in agricultural activities."

**More information on the census can be accessed at [www.myagri-census.gov.my](http://www.myagri-census.gov.my) and [www.facebook.com/panlipertanian2024/](http://www.facebook.com/panlipertanian2024/)**